



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025
PERINGKAT ZON BORNEO**

**11 FEBRUARI 2025 | SELASA | 10.00 PAGI
UCSI HOTEL, KUCHING**

Kemas kini 10 Februari 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur
dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Borneo** pada hari ini. Terima kasih kepada semua yang hadir kerana kehadiran anda semua memberi inspirasi kepada kami di **KPWKM** untuk terus memperjuangkan agenda pemerkasaan wanita.

OBJEKTIF

Hadirin yang dihormati,

2. **Hari Wanita Antarabangsa bukan sekadar hari untuk meraikan pencapaian wanita** – ia adalah platform untuk kita meningkatkan kesedaran, mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita dalam pelbagai bidang termasuk masyarakat, ekonomi, dan politik.

3. Sambutan ini juga bertujuan untuk **menyebarkan pengetahuan tentang cabaran yang dihadapi wanita** hari ini, di samping membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan kepentingan gender menjadi keutamaan dalam perancangan dan pembangunan negara.

TEMA SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025

4. Tahun ini, kita mengangkat tema **"Wanita Beraspirasi Membina Legasi"** – satu tema yang cukup bermakna kerana ia melambangkan **keberanian dan semangat wanita dalam mencapai impian dan mencipta impak berpanjangan.**

5. Hari ini, wanita semakin maju dalam pelbagai bidang – dari pendidikan, kepimpinan, teknologi hingga ke keselamatan dan ekonomi. Tetapi kita tahu bahawa **perjalanan masih jauh** dan perjuangan masih perlu diteruskan untuk memastikan setiap wanita mendapat peluang yang saksama dan bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi.

6. Tema ini juga membawa mesej bahawa **wanita bukan sekadar tulang belakang keluarga**, tetapi juga pemimpin dan penggerak dalam pembangunan masyarakat dan negara.

7. Kerajaan terus berusaha untuk membentuk sebuah masyarakat yang lebih **adil, inklusif dan progresif**. Namun, kejayaan ini hanya boleh dicapai jika semua pihak – termasuk sektor swasta, NGO dan individu – bersama-sama menyokong usaha menghapuskan keganasan terhadap wanita serta memperkasakan penyertaan mereka dalam membuat keputusan.

8. Tema ini juga sejajar dengan **Deklarasi Beijing 1995**, yang sejak 30 tahun lalu terus menjadi panduan dalam usaha memperkasakan wanita dan menentang diskriminasi.

SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025 PERINGKAT ZON BORNEO

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Tahun ini, **KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** memperkenalkan pendekatan baharu dalam meraikan Hari Wanita Antarabangsa. Untuk pertama kalinya, sambutan ini diadakan di **5 lokasi mengikut zon – Borneo, Timur, Selatan, Tengah dan Utara.**

10. **Pendekatan ini membolehkan lebih ramai wanita dari pelbagai negeri dan komuniti turut serta** dalam sambutan ini, berbanding hanya menumpukan pada satu lokasi seperti sebelum ini.
11. Hari ini, kita berada di **Sarawak sebagai pembuka tirai sambutan Zon Borneo**, dengan fokus khas diberikan kepada **kepimpinan wanita dan wanita progresif**.

12. Tahun ini juga lebih istimewa kerana kita mendapat kerjasama baharu daripada **Sarawak Energy Berhad dan Universiti UCSI**, di samping rakan sedia ada seperti **Kelab Wanita Ikon Malaysia, Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Negeri Sabah.**

KEPIMPINAN DAN WANITA PROGRESIF

Hadirin yang saya kasihi,

13. **Kepimpinan wanita adalah satu aspek penting yang sentiasa diberi perhatian oleh KPWKM.** Antara inisiatif utama yang diperkenalkan ialah **Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS)**, yang telah dimulakan pada tahun 2024.

14. Program ini diwujudkan untuk **melahirkan lebih ramai wanita berdaya saing dalam kepimpinan**, memberi latihan dan pendedahan praktikal kepada mereka yang ingin menjadi pemimpin dalam pelbagai bidang.

15. **Wanita muda yang menyertai program ini akan berpeluang mendapat bimbingan daripada pemimpin wanita berpengalaman,** serta membina rangkaian profesional yang boleh memperkukuhkan perjalanan mereka dalam dunia kepimpinan.

16. Baru-baru ini, saya telah merasmikan **Persidangan Kepimpinan Wanita Dalam Ekonomi Hingga 2025**, yang dianjurkan oleh **Puan Sharnaz Saberi** – seorang tokoh wanita Sarawak yang terpilih dalam **Program PERANTIS 2024**. Saya amat kagum dengan usahanya membimbing lebih ramai wanita untuk menonjolkan kreativiti dan keupayaan mereka sebagai pemimpin masa depan.

17. **Saya mahu melihat lebih ramai wanita Borneo menyertai PERANTIS** – jadi saya menyeru anda semua agar berani merealisasikan impian, mengembangkan potensi diri, dan **bersama-sama membina masa depan yang lebih cerah untuk wanita di negara ini.**

18. **Kita perlu menyokong antara satu sama lain.** Hari ini adalah hari kita menghargai setiap wanita yang telah berjuang, yang masih berusaha, dan yang sedang mencipta legasi mereka sendiri dan bukan untuk menjatuhkan mereka. *We should celebrate another woman's victory instead of tearing them down.*

PENUTUP

19. Saya akan mengakhiri ucapan ini dengan beberapa pesan untuk kita renungkan bersama.

“When lies bring people together, the truth will eventually tear them apart. Stay true to yourself –integrity always wins in the end”

20. **Selain itu, kita harus ingat bahawa kemajuan tidak boleh dicapai secara bersendirian.**

“A great leader knows that the greatest strength lies in unity, not separation.”

21. Saya berharap program ini akan **menjadi inspirasi kepada semua**, terutamanya wanita muda, untuk berani melangkah dan membina legasi mereka sendiri.

Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya **merasmikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Borneo!**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
11 Februari 2025